

# PEMASTAUTIN YANG TIDAK MENJALANKAN PERNIAGAAN

## NOTA PENERANGAN BE 2015

### TAMBAHAN / PINDAAN

Ruang	Perkara	Muka Surat
A3	Tarikh Lahir	1
B10a	Pelepasan Khas RM2,000	7
B15	Tolakan cukai Seksyen 110(lain-lain)	8
D1	No. Telefon Bimbit	10
D7 / D8	Pelupusan Syer Dalam Syarikat Harta Tanah Dan / Atau Harta Tanah	10
F3	Pelepasan di bawah Perenggan 46(1)(d)	11
F6 / F7	Pelepasan di bawah Perenggan 46(1)(g) dan Perenggan 46(1)(h)	12
F15c	Pelepasan di bawah Subperenggan 48(3)(a)(ii)	14
-	Jadual Cukai	15

SISTEM TAKSIR SENDIRI

*Bersama Membangun Negara*

Nota ini membantu tuan yang **bermastautin di Malaysia** di bawah seksyen 7 Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) atau **dianggap sebagai bermastautin** di bawah subseksyen 7(1B) untuk melengkapkan Borang BE bagi Tahun Taksiran 2015. Sila baca nota ini dengan teliti supaya pengisian dan pengisytiharan semua punca pendapatan bagi Tahun Taksiran 2015 adalah benar dan lengkap.

Bagi individu berkahwin yang memilih untuk ditaksir bersama dan mempunyai jumlah pendapatan yang disatukan, sama ada taksiran dibuat atas nama suami atau isteri, kedua-dua suami isteri perlu mengisi secara berasingan sama ada:

- (a) Borang B (individu yang menjalankan perniagaan); atau
- (b) Borang BT \* (pekerja berpengetahuan atau pekerja berkepakaran yang telah diluluskan oleh Menteri); atau
- (c) Borang BE (individu yang tidak menjalankan perniagaan).

\* Untuk keterangan lanjut, sila rujuk P.U (A) 344/2010 berkaitan pekerja berpengetahuan dan P.U.(A) 151/2012 berkaitan Program Kepulangan Pakar di Portal Rasmi LHDNM.

Semua rekod, helaian kerja dan dokumen tidak perlu disertakan semasa pengembalian Borang BE KECUALI bagi kes pembayaran balik, tuan perlu mengemukakan:-

- (i) Helaian Kerja HK-6 mengenai tolakan cukai di bawah seksyen 110 (lain-lain); dan
- (ii) Helaian Kerja HK-8/HK-9 (jika berkenaan) berhubung dengan potongan cukai yang telah dibuat di negara asing.

Rekod, dokumen dan helaian kerja yang digunakan dalam pengiraan hendaklah disimpan selama tujuh (7) tahun bermula daripada akhir tahun dalam mana borang nyata tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri, untuk rujukan dan semakan sekiranya diperlukan kelak.

Semua ruangan yang berkaitan perlu diisi dengan **HURUF BESAR** dan menggunakan pen mata bulat berdakwat **hitam**. Biarkan kosong sekiranya ruangan yang disediakan adalah tidak berkenaan.

#### MAKLUMAT ASAS

1 - 5 Isikan maklumat yang berkenaan sahaja. Untuk ruangan 'No. Cukai Pendapatan', isikan **SG** atau **OG** dan diikuti dengan no. cukai pendapatan.  
Contoh: No. Cukai Pendapatan SG 10234567080

No. Cukai Pendapatan

**SG 10234567080**

#### BAHAGIAN A

#### MAKLUMAT INDIVIDU

A1	WARGANEGARA	Isi 'MY' bagi warganegara Malaysia. Sekiranya bukan warganegara Malaysia, sila rujuk kod negara yang disediakan di muka surat 15 nota penerangan ini atau Lampiran E dalam Buku Panduan Borang BE.
A2	JANTINA	Isikan '1' untuk lelaki atau '2' untuk perempuan.
A3	TARIKH LAHIR	Isikan tarikh lahir mengikut turutan: hari, bulan dan tahun.
A4	STATUS PADA 31-12-2015	Isikan '1' untuk bujang; '2' untuk kahwin; '3' untuk janda/duda; '4' untuk mati.
A5	TARIKH KAHWIN/ CERAI/MATI	Isikan tarikh kahwin jika berkahwin dalam tahun semasa; atau tarikh cerai jika berpisah mengikut undang-undang dalam tahun semasa; atau tarikh kematian mengikut turutan: hari, bulan dan

		tahun.
A6	JENIS TAKSIRAN	<p>Isikan:</p> <p>(i) '1' jika isteri memilih taksiran bersama dan taksiran dikeluarkan atas nama suami. Isteri tidak perlu mengisi ruang B7 hingga B19 dan Bahagian F Borang BE; atau</p> <p>(ii) '2' jika suami memilih taksiran bersama dan taksiran dikeluarkan atas nama isteri. Suami tidak perlu mengisi ruang B7 hingga B19 dan Bahagian F Borang BE; atau</p> <p>(iii) '3' jika memilih taksiran berasingan; atau</p> <p>(iv) '4' jika suami / isteri tiada pendapatan atau tiada punca pendapatan atau pendapatan dikecualikan cukai; atau</p> <p>(v) '5' jika status individu adalah bujang/janda/duda/simati</p> <p>Nota: Syarat untuk taksiran bersama:</p> <p>(i) suami dan isteri tinggal bersama dalam tahun asas dan tidak berhenti tinggal bersama dalam tahun asas tersebut;</p> <p>(ii) mempunyai jumlah pendapatan untuk diagregatkan dengan jumlah pendapatan suami / isteri;</p> <p>(iii) adalah warganegara Malaysia jika tidak bermastautin;</p> <p>(iv) pengagregatan hanya boleh dibuat dengan seorang isteri sahaja.</p>

<b>BAHAGIAN B</b>	<b>PENDAPATAN BERKANUN, JUMLAH PENDAPATAN, CUKAI KENA DIBAYAR DAN KEDUDUKAN CUKAI</b>
-------------------	---

B1	PENDAPATAN BERKANUN PENGGAJIAN – Amaun N4 dari Helaiian Kerja HK-2
----	--

Gaji, bonus, yuran pengarah, komisen dan apa-apa perkuisit [seperti skim opsyen saham (Ketetapan Umum No. 11/2012), premium insurans/yuran sekolah dan tuisyen yang dibayar oleh majikan] hendaklah dilaporkan. Perbelanjaan keraian dan perjalanan adalah potongan yang dibenarkan dengan syarat perbelanjaan dilakukan dalam menghasilkan pendapatan penggajian dan dalam menjalankan tugas rasmi. Tuntutan perbelanjaan keraian dihadkan kepada jumlah elaun keraian yang dimasukkan sebagai pendapatan kasar daripada penggajian. Sekiranya perbelanjaan dibayar ganti oleh majikan, ia tidak merupakan perbelanjaan yang boleh dituntut sebagai potongan dan juga tidak dikenakan cukai. Amaun N4 dari Helaiian Kerja HK-2

**Elaun / perkuisit / pemberian / manfaat (yang diterima oleh pekerja daripada majikan/bagi pihak majikan) yang dikecualikan cukai mengikut pengumuman Bajet 2009 meliputi:**

*Rujukan: Ketetapan Umum No. 2/2013 (Perkuisit Daripada Penggajian), Ketetapan Umum No. 3/2013 (Manfaat Berupa Barangan) dan Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) [P.U.(A) 152/2009]*

	JENIS ELAUN / PERKUISIT / PEMBERIAN / MANFAAT	HAD PENGECEUALIAN (SETAHUN)
(i)	Perkuisit sama ada dalam bentuk tunai atau barangan berkaitan dengan penggajian pekerja berhubung dengan:- (a) pencapaian perkhidmatan lalu; (b) anugerah khidmat cemerlang, anugerah inovasi atau anugerah produktiviti; atau (c) perkhidmatan lama dengan syarat pekerja tersebut telah berkhidmat lebih daripada 10 tahun dengan majikan yang sama atau dengan syarikat-syarikat dalam kumpulan syarikat yang sama.	Terhad RM2,000

	(Perenggan 25c Jadual 6 Akta Cukai Pendapatan 1967)	
(ii)	Kad petrol, elaun petrol atau elaun perjalanan atau kad tol atau gabungannya atas urusan rasmi. Sekiranya amaun yang diterima melebihi RM6,000 setahun, pekerja boleh membuat potongan selanjutnya bagi amaun yang dibelanjakan untuk tugas rasmi. Rekod berkaitan dengan potongan selanjutnya dan amaun yang dikecualikan hendaklah disimpan untuk tempoh tujuh tahun bagi tujuan audit.	Terhad RM6,000
(iii)	Elaun penjagaan anak bagi anak yang berumur <b>12 tahun dan ke bawah</b> .	Terhad RM2,400
(iv)	Pemberian telefon talian tetap, telefon bimbit, alat kelui atau pembantu digital peribadi (PDA) termasuk kos pendaftaran dan pemasangan yang didaftar atas nama pekerja atau majikan.	Terhad kepada satu unit bagi setiap aset
(v)	Bil bulanan yang dibayar oleh majikan bagi telefon talian tetap, telefon bimbit, alat kelui, PDA atau langganan jalur lebar termasuk kos pendaftaran dan kos pemasangan yang didaftar atas nama pekerja atau majikan.	Terhad kepada satu talian bagi setiap kategori aset
(vi)	Barangan yang merupakan produk boleh guna perniagaan majikan yang diberi secara percuma (diskaun penuh) atau diberi pada harga diskaun sebahagiannya (termasuk manfaat disediakan untuk pasangan dan anak yang belum berkahwin). Nilai barangan adalah berdasarkan harga jualan. Manfaat yang diterima daripada syarikat dalam kumpulan yang sama dengan majikannya adalah <b>tidak dikecualikan cukai</b> .	Terhad RM1,000
(vii)	Perkhidmatan majikan sendiri yang diberi secara percuma atau diberi pada harga diskaun (termasuk manfaat disediakan untuk pasangan dan anak yang belum berkahwin). Manfaat yang diterima daripada syarikat dalam kumpulan yang sama dengan majikannya adalah <b>tidak dikecualikan cukai</b> .	Terhad kepada amaun diskaun atau perkhidmatan percuma
(viii)	Fi letak kereta atau elaun letak kereta termasuk kadar letak kereta yang dibayar terus kepada pengusaha tempat letak kereta oleh majikan.	Terhad kepada amaun sebenar yang dibelanjakan
(ix)	Elaun makan yang diterima <b>secara tetap</b> , contohnya secara harian atau bulanan, yang diberi pada kadar yang sama kepada semua pekerja. Elaun makan untuk kerja lebih masa atau perjalanan luar kawasan / negara dalam melaksanakan pekerjaan sekiranya diberi berdasarkan kadar yang ditetapkan dalam pekiling / edaran / arahan dalaman majikan yang dibuat secara bertulis.	
(x)	Manfaat perubatan yang dikecualikan cukai diperluaskan kepada perubatan tradisional dan materniti. Perubatan tradisional bermaksud Perubatan Tradisional Melayu / Cina / India yang diberikan oleh pengamal perubatan yang berdaftar dengan badan yang diperakui atau didaftarkan mengikut peraturan yang mengawal perubatan tradisional seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan. Contoh: urutan tradisional Melayu, <i>ayurvedic</i> dan akupunktur. Perubatan komplementari dan homeopati tidak termasuk dalam pengecualian ini.	
(xi)	Subsidi faedah pinjaman perumahan, pelajaran atau kenderaan dikecualikan sepenuhnya jika jumlah pinjaman yang diambil secara agregat tidak melebihi RM300,000.  Jika amaun pinjaman melebihi RM300,000, amaun subsidi faedah adalah terhad mengikut formula seperti berikut:  $A \times \frac{B}{C}$ Di mana; A = perbezaan antara amaun faedah yang perlu ditanggung oleh pekerja dengan amaun	

faedah yang kena bayar oleh pekerja dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran;

B = jumlah agregat baki amaun prinsipal pinjaman perumahan, pelajaran dan kenderaan yang diambil oleh pekerja dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran atau RM300,000 yang mana lebih rendah;

C = ialah jumlah agregat amaun prinsipal bagi pinjaman perumahan, pelajaran dan kenderaan yang diambil oleh pekerja.

### **PENGECUALIAN CUKAI DI ATAS TIDAK TERPAKAI JIKA PEKERJA MEMPUNYAI KAWALAN KE ATAS MAJIKANNYA**

Sekiranya pekerja mempunyai kawalan ke atas majikannya, elaun / perkuisit / pemberian / manfaat yang diterima oleh pekerja itu adalah dikenakan cukai dan merupakan sebahagian daripada pendapatan kasar pengajiannya.

**Kawalan ke atas majikan** bermaksud :

- (a) bagi suatu syarikat, kuasa seseorang pekerja itu untuk menjamin, melalui pemegangan saham atau pemilikan kuasa mengundi dalam atau berkenaan syarikat itu atau mana-mana syarikat lain, atau atas sebab apa-apa kuasa yang diberikan melalui perkara-perkara persatuan atau apa-apa dokumen lain yang mengawal selia syarikat itu atau mana-mana syarikat lain, bahawa urusan syarikat yang pertama disebut itu dijalankan menurut kehendak pekerja itu;
- (b) bagi suatu perkongsian, pekerja itu merupakan rakan kongsi majikan itu; atau
- (c) bagi pemilik tunggal, pekerja dan majikan itu adalah orang yang sama.

### **Lain-Lain Manfaat Berupa Barangan Yang Dikecualikan Cukai:**

Sila rujuk senarai manfaat berupa barangan yang dikecualikan cukai di Lampiran B3 Buku Panduan BE.

### **Ganjaran** (*Rujukan: Ketetapan Umum No. 8/2013*)

Ganjaran merupakan sejumlah wang yang diterima semasa persaraan/tamat kontrak dan dianggap sebagai hadiah untuk perkhidmatan yang lalu. Rujuk Helaian Kerja HK-2.2 dan Lampiran B1 untuk pengiraan.

Ganjaran berikut dikecualikan dari cukai pendapatan:

#### **1. Ganjaran persaraan**

- (a) Ketua Pengarah berpuas hati bahawa persaraan daripada penggajian itu disebabkan gangguan kesihatan; Atau
- (b) Persaraan itu berlaku pada atau selepas seseorang itu mencapai umur 55 tahun atau mencapai umur wajib bersara dari penggajiannya dan telah berkhidmat berturut-turut selama 10 tahun dengan majikan yang sama atau dengan syarikat di dalam kumpulan yang sama; Atau
- (c) Persaraan itu berlaku apabila mencapai umur wajib bersara di bawah satu kontrak penggajian atau perjanjian kolektif pada umur 50 tahun tetapi sebelum 55 tahun dan telah berkhidmat selama 10 tahun dengan majikan yang sama atau dengan syarikat dalam kumpulan yang sama.

**2. Ganjaran yang dibayar kepada pekerja dari kumpulan wang awam** - Ganjaran yang dibayar kepada pekerja dari kumpulan wang awam apabila bersara daripada penggajian di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

**3. Ganjaran yang dibayar kepada pegawai kontrak** - Ganjaran yang dibayar daripada kumpulan wang awam kepada pegawai kontrak apabila perkhidmatan kontraknya tamat (walaupun kontraknya diperbaharui).

**4. Ganjaran kematian** - Wang yang diterima sebagai ganjaran kematian.

**Elaun Cukai** - Cukai yang ditanggung oleh majikan adalah Elaun Cukai yang dikenakan cukai

mengikut peruntukan perenggan 13(1)(a) ACP 1967 (Ketetapan Umum No. 2/2006). Rujuk Helaian Kerja HK-2.3 dan Lampiran B2 untuk pengiraan.

**Manfaat Berupa Barangan (MBB)** - Nilai tahunan manfaat berupa barangan yang disediakan oleh majikan seperti kereta, minyak, pemandu, kelengkapan rumah, telefon bimbit, hiburan dan kelab rekreasi. Rujuk Helaian Kerja HK-2.4 dan Lampiran B3 untuk pengiraan.

**Nilai Tempat Kediaman** - Nilai tempat kediaman yang disediakan oleh majikan di Malaysia. Rujuk Helaian Kerja HK-2.5 dan Lampiran B4 untuk pengiraan.

**Bayaran Balik Daripada Skim Pencen Yang Tidak Diluluskan** - Amaun yang dicarum oleh majikan kepada tabung pencen atau kewangan yang tidak diluluskan yang diterima oleh pekerja sebelum atau selepas tamat penggajian. Rujuk Helaian Kerja HK-2.6 untuk pengiraan.

**Pampasan** - Pampasan adalah bayaran yang dibuat oleh majikan kepada pekerja disebabkan kehilangan pekerjaan atau sebab-sebab lain. Rujuk Helaian Kerja HK-2.7 dan Lampiran B5 untuk pengiraan.

Pampasan berikut dikecualikan dari cukai pendapatan:

- (i) Pampasan yang diterima akibat kehilangan pekerjaan disebabkan oleh keuzuran.
- (ii) Pampasan selain perenggan (i) di atas. Bagi pemberhentian kerja pada atau selepas **1 Julai 2008**, pampasan yang dikecualikan adalah **RM10,000** bagi setiap tahun genap perkhidmatan dengan majikan yang sama atau dengan syarikat dalam kumpulan yang sama.

**Yuran Kepada Badan Profesional** - Yuran kepada badan profesional berhubung keahlian untuk mengekalkan kedudukan profesion berkaitan dan menjalankan pekerjaan dibenarkan sebagai tolakan. Misalnya bayaran profesion perubatan atau guaman.

B2	SEWA	Penerimaan dari sewaan rumah, rumah kedai, tanah, loji, mesin, perabot dan lain-lain. Amaun D dari Helaian Kerja HK-4
B3	FAEDAH	<p>Pendapatan faedah yang diterima oleh individu bermastautin daripada wang yang didepositkan dalam institusi berikut adalah dikecualikan cukai:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Bank atau syarikat kewangan yang dilesenkan atau yang disifatkan dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989;</li> <li>(ii) Bank yang dilesenkan di bawah Akta Perbankan Islam 1983;</li> <li>(iii) Institusi kewangan pembangunan yang ditetapkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002;</li> <li>(iv) Lembaga Tabung Haji yang ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995;</li> <li>(v) Malaysia Building Society Berhad yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965; dan</li> <li>(vi) Borneo Housing Finance Berhad yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965.</li> </ul>
	DISKAUN	Pendapatan diskaun berpunca daripada pelaburan seperti bil perbendaharaan.

ROYALTI	<p>Penerimaan dari penggunaan hak cipta/paten yang melebihi had pengecualian seperti berikut dikenakan cukai:</p> <table border="1" data-bbox="579 203 1522 517"> <thead> <tr> <th data-bbox="579 203 1374 248">Jenis Royalti</th> <th data-bbox="1382 203 1522 248">Pengecualian (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="579 259 1374 338">(i) Penerimaan dari penerbitan hasil seni/ rakaman pita/cakera</td> <td data-bbox="1382 259 1522 293">10,000</td> </tr> <tr> <td data-bbox="579 349 1374 427">(ii) Penerimaan hasil penterjemahan buku/ karya Kesusasteraan</td> <td data-bbox="1382 349 1522 383">12,000</td> </tr> <tr> <td data-bbox="579 439 1374 517">(iii) Penerimaan hasil penerbitan karya kesusasteraan/ lukisan asli/penggubahan muzik</td> <td data-bbox="1382 439 1522 472">20,000</td> </tr> </tbody> </table> <p>Amaun H dari Helaiian Kerja HK-5</p>	Jenis Royalti	Pengecualian (RM)	(i) Penerimaan dari penerbitan hasil seni/ rakaman pita/cakera	10,000	(ii) Penerimaan hasil penterjemahan buku/ karya Kesusasteraan	12,000	(iii) Penerimaan hasil penerbitan karya kesusasteraan/ lukisan asli/penggubahan muzik	20,000
Jenis Royalti	Pengecualian (RM)								
(i) Penerimaan dari penerbitan hasil seni/ rakaman pita/cakera	10,000								
(ii) Penerimaan hasil penterjemahan buku/ karya Kesusasteraan	12,000								
(iii) Penerimaan hasil penerbitan karya kesusasteraan/ lukisan asli/penggubahan muzik	20,000								
PENCEN	Pencen yang diterima dari Malaysia dikecualikan cukai jika bersara pada umur 55 tahun atau pada umur persaraan wajib di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau persaraan atas sebab keuzuran dan pencen tersebut diterima daripada Kerajaan atau skim pencen yang diluluskan. Di mana seseorang mendapat lebih daripada satu pencen, hanya pencen yang tertinggi dikecualikan. Pencen yang lain hendaklah dilaporkan.								
ANUITI	Jumlah yang ditetapkan mengikut syarat-syarat wasiat atau pelaburan wang yang melayakkan waris atau pelabur menerima bayaran tahunan, sama ada untuk selama-lamanya atau sesuatu tempoh.								
BAYARAN BERKALA LAIN	Bayaran yang dibuat berulang kali pada masa-masa tertentu.								
APA-APA PEROLEHAN ATAU KEUNTUNGAN LAIN	Pendapatan lain seperti bayaran sekali sekala untuk penyiaran, syarahan, tulisan atau sebagainya yang terbit daripada usaha/pekerjaan sampingan atau sambilan.								
B5	JUMLAH DERMA DAN HADIAH YANG DILULUSKAN								
<p><b>Hadiah Wang Kepada Kerajaan / Kerajaan Tempatan</b> Hadiah wang tunai kepada Kerajaan, Kerajaan Negeri, Kerajaan Tempatan. Subseksyen 44(6)</p>									
<table border="0"> <tr> <td data-bbox="68 1494 1310 1615"> <p><b>Hadiah Wang Kepada Institusi Atau Organisasi Diluluskan</b> Hadiah wang kepada institusi / organisasi yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri. Proviso subseksyen 44(6)</p> </td> <td data-bbox="1318 1494 1522 2024" rowspan="3" style="vertical-align: middle;"> <p>Terhad kepada 7% daripada pendapatan agregat di ruang B4</p> </td> </tr> <tr> <td data-bbox="68 1621 1310 1823"> <p><b>Hadiah Wang Atau Kos Sumbangan Manfaat Kepada Aktiviti Sukan Atau Badan Sukan Yang Diluluskan</b> Hadiah wang atau kos sumbangan manfaat kepada aktiviti sukan yang diluluskan oleh Menteri atau badan sukan yang diluluskan oleh Pesuruhjaya Sukan yang dilantik di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997. Subseksyen 44(11B)</p> </td> </tr> <tr> <td data-bbox="68 1830 1310 2024"> <p><b>Hadiah Wang Atau Kos Sumbangan Manfaat Kepada Projek Berkepentingan Negara Yang Diluluskan</b> Hadiah wang atau kos sumbangan manfaat kepada projek berkepentingan negara yang diluluskan oleh Menteri Kewangan. Subseksyen 44(11C)</p> </td> </tr> </table>		<p><b>Hadiah Wang Kepada Institusi Atau Organisasi Diluluskan</b> Hadiah wang kepada institusi / organisasi yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri. Proviso subseksyen 44(6)</p>	<p>Terhad kepada 7% daripada pendapatan agregat di ruang B4</p>	<p><b>Hadiah Wang Atau Kos Sumbangan Manfaat Kepada Aktiviti Sukan Atau Badan Sukan Yang Diluluskan</b> Hadiah wang atau kos sumbangan manfaat kepada aktiviti sukan yang diluluskan oleh Menteri atau badan sukan yang diluluskan oleh Pesuruhjaya Sukan yang dilantik di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997. Subseksyen 44(11B)</p>	<p><b>Hadiah Wang Atau Kos Sumbangan Manfaat Kepada Projek Berkepentingan Negara Yang Diluluskan</b> Hadiah wang atau kos sumbangan manfaat kepada projek berkepentingan negara yang diluluskan oleh Menteri Kewangan. Subseksyen 44(11C)</p>				
<p><b>Hadiah Wang Kepada Institusi Atau Organisasi Diluluskan</b> Hadiah wang kepada institusi / organisasi yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri. Proviso subseksyen 44(6)</p>	<p>Terhad kepada 7% daripada pendapatan agregat di ruang B4</p>								
<p><b>Hadiah Wang Atau Kos Sumbangan Manfaat Kepada Aktiviti Sukan Atau Badan Sukan Yang Diluluskan</b> Hadiah wang atau kos sumbangan manfaat kepada aktiviti sukan yang diluluskan oleh Menteri atau badan sukan yang diluluskan oleh Pesuruhjaya Sukan yang dilantik di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997. Subseksyen 44(11B)</p>									
<p><b>Hadiah Wang Atau Kos Sumbangan Manfaat Kepada Projek Berkepentingan Negara Yang Diluluskan</b> Hadiah wang atau kos sumbangan manfaat kepada projek berkepentingan negara yang diluluskan oleh Menteri Kewangan. Subseksyen 44(11C)</p>									
<p><b>Hadiah Artifak, Manuskrip Atau Lukisan</b> Hadiah artifak, manuskrip atau lukisan kepada Kerajaan berdasarkan pada nilai yang ditentukan oleh</p>									

Ketua Pengarah Muzium Malaysia atau Ketua Pengarah Arkib Negara. Subseksyen 44(6A)

### Hadiah Wang Untuk Kemudahan Perpustakaan Atau Kepada Perpustakaan

Sumbangan wang yang tidak melebihi RM20,000 bagi menyediakan kemudahan perpustakaan awam, perpustakaan sekolah/institusi pendidikan tinggi. Subseksyen 44(8)

### Hadiah Wang Atau Sumbangan Manfaat Bagi Menyediakan Kemudahan Di Tempat Awam Untuk Orang Yang Kurang Upaya

Hadiah wang atau sumbangan manfaat berupa barangan yang diberikan oleh individu bagi menyediakan kemudahan di tempat awam untuk manfaat orang yang kurang upaya berdasarkan pada nilai yang ditentukan oleh pihak berkuasa tempatan. Subseksyen 44(9)

### Hadiah Wang Atau Kos Peralatan Perubatan Kepada Mana-Mana Badan Rawatan Kesihatan

Hadiah wang atau kos peralatan perubatan tidak melebihi RM20,000 yang diberikan kepada mana-mana badan rawatan kesihatan yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan. Subseksyen 44(10)

### Hadiah Lukisan Kepada Balai Seni Lukis Negara Atau Balai Seni Lukis Negeri

Hadiah lukisan kepada Balai Seni Lukis Negara atau mana-mana balai seni lukis negeri berdasarkan pada nilai yang ditentukan oleh Balai Seni Lukis Negara atau balai seni lukis negeri. Subseksyen 44(11)

B7	JUMLAH PENDAPATAN YANG DIPINDAHKAN DARI SUAMI / ISTERI* BAGI TAKSIRAN BERSAMA  * JENIS PENDAPATAN SUAMI / ISTERI YANG DIPINDAHKAN	<b>RUANG B7 DAN B8 HANYA PERLU DIISI OLEH INDIVIDU DI MANA TAKSIRAN BERSAMA DIKELUARKAN ATAS NAMANYA.</b> Pindahkan jumlah pendapatan suami / isteri yang ingin disatukan bersama jumlah pendapatan individu ke ruang ini.  Nota: Isi '1' jika pendapatan suami / isteri yang dipindahkan terdapat punca pendapatan perniagaan atau '2' jika tiada.  Ruang B7 dan B8 <b>TIDAK PERLU</b> diisi jika: (i) status individu adalah bujang/janda/duda (ii) suami / isteri tiada punca pendapatan atau pendapatan dikecualikan cukai (iii) memilih taksiran berasingan (iv) memilih taksiran bersama dan taksiran dikeluarkan atas <b>nama suami / isteri</b>
B9	JUMLAH PELEPASAN	Pindahkan amaun dari F19.
B10	PENDAPATAN BERCUKAI	Amaun B6 tolak B9 atau B8 tolak B9.
B10a	PELEPASAN KHAS RM2,000	Pelepasan Khas dibenarkan sebanyak RM2,000 jika Pendapatan Agregat (Ruang B4) tidak melebihi RM96,000.  Rujuk Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) [P.U.(A) 40/2016] Nota : Biarkan kosong ruangan ini sekiranya Pendapatan Agregat adalah melebihi RM96,000
B10b	PENDAPATAN BERCUKAI	Amaun B10 tolak B10a. Isi "0" jika nilai adalah negatif.
B11a	Cukai ke atas yang pertama	Sesuaikan amaun di B10 atau B10b (pendapatan bercukai) dengan banjaran pendapatan bercukai yang disediakan di dalam jadual cukai (muka surat 15 nota penerangan ini).
B11b	Cukai ke atas baki	<i>Contoh:</i> Pendapatan bercukai di <b>B10 atau B10b:</b> <b>RM45,500</b>



B12	Jumlah Cukai Pendapatan	<p>Guna pengiraan di <b>kategori E</b> jadual cukai seperti berikut:  Cukai ke atas <b>RM35,000</b> yang pertama <b>RM 900.00</b>  Cukai ke atas baki <b>RM10,500 @ 10%</b> <b>RM1,050.00</b>  Jumlah cukai pendapatan <b>RM1,950.00</b></p> <p>Masukkan di ruang B11a, B11b dan B12 dalam Borang BE seperti berikut:</p>
-----	-------------------------	---

B11a	Cukai ke atas yang pertama	35,000	.00	B11a	900	.00
B11b	Cukai ke atas baki	10,500	.00	B11b	1,050	.00
B12 JUMLAH CUKAI PENDAPATAN (B11a + B11b)				B12	1,950	.00

B13	<b>JUMLAH REBAT</b>	
SENDIRI	Rebat cukai individu adalah sebanyak RM400 bagi pendapatan bercukai yang tidak melebihi RM35,000. Perenggan 6A(2)(a)	
SUAMI / ISTERI	Rebat cukai suami / isteri adalah sebanyak RM400 bagi pendapatan bercukai yang tidak melebihi RM35,000 dan telah dibenarkan pelepasan suami / isteri sebanyak RM3,000. Perenggan 6A(2)(b) / Perenggan 6A(2)(c)	
ZAKAT DAN FITRAH	Bayaran zakat dan fitrah yang dibuat dalam tahun asas. Subseksyen 6A(3)	
B15	TOLAKAN CUKAI SEKSYEN 110 (LAIN-LAIN)	Sila buat pengiraan di Helaian Kerja HK-6 untuk tolakan cukai seksyen 110 ke atas lain-lain pendapatan seperti faedah, royalti, pendapatan seksyen 4A dan pendapatan daripada amanah. Tolakan cukai di Seksyen 110 (lain-lain) TIDAK termasuk bayaran cukai pegangan yang tertakluk di bawah Seksyen 107A. Sertakan Helaian Kerja HK-6 sekiranya tuan layak menuntut pembayaran balik. Amaun B dari Helaian Kerja HK-6
	PELEPASAN CUKAI SEKSYEN 132	Tolakan cukai berhubung dengan pendapatan dari Malaysia yang dikenakan cukai di Malaysia dan juga di luar Malaysia. Rujuk Lampiran F Buku Panduan BE untuk menentukan negara-negara yang memeterai perjanjian pengelakan pencukaian dua kali dengan Malaysia. Rujuk Jadual 7 ACP 1967 dan Helaian Kerja HK-8 untuk membuat pengiraan kredit.
	PELEPASAN CUKAI SEKSYEN 133	Tolakan cukai berhubung dengan pendapatan dari Malaysia yang dikenakan cukai di Malaysia dan juga di luar Malaysia. Negara-negara ini tidak memeterai perjanjian pengelakan pencukaian dua kali dengan Malaysia. Rujuk Jadual 7 ACP 1967 dan Helaian Kerja HK-9 untuk membuat pengiraan kredit.
B16	CUKAI KENA DIBAYAR	Amaun B14 tolak B15. Jika jumlah B15 melebihi B14, isikan '0' di ruang ini.
B17	CUKAI DIBAYAR BALIK	Amaun B15 tolak B14.
B18	ANSURAN/PCB YANG TELAH DIBAYAR UNTUK PENDAPATAN TAHUN 2015 - SENDIRI DAN SUAMI / ISTERI BAGI	Guna Helaian Kerja HK-10 untuk membuat pengiraan. Bayaran ini <b>tidak termasuk</b> amaun tunggakan di mana amaun tersebut akan diambil kira untuk cukai tahun taksiran kebelakangan.  Potongan Cukai Bulanan untuk <b>bonus dan fi pengarah</b> yang dibuat dalam tahun 2015 (termasuk untuk tahun kebelakangan yang

	TAKSIRAN BERSAMA	dibayar dalam tahun 2015) hendaklah dimasukkan dalam ruangan ini.  Pindahkan amaun E dari Helaian Kerja HK-10 ke ruang ini.  Bagi Taksiran Bersama - jumlahkan bayaran ansuran/PCB yang telah dibayar oleh suami dan isteri dan masukkan ke dalam ruang ini.
B19	BAKI CUKAI KENA DIBAYAR	Amaun B16 tolak B18. Jelaskan baki ini dalam tempoh yang ditetapkan. Pembayaran boleh dibuat di:  (a) Bank - kaunter CIMB Bank Berhad (CIMB), Public Bank Berhad (PBB), Malayan Banking Berhad (Maybank), Affin Bank Berhad (ABB), RHB Bank Berhad (RHB), Bank Simpanan Nasional (BSN) dan Bank Rakyat dengan menggunakan slip bayaran yang disediakan oleh bank.  - perbankan internet CIMB,PBB, Maybank, Hong Leong Bank, Citibank, RHB & Alliance Bank Malaysia Berhad dan perbankan telefon Maybank.  - <i>Auto Teller Machine</i> (ATM) PBB, Maybank & CIMB, Mesin Deposit Cek PBB dan Mesin Deposit Tunai CIMB  (b) LHDNM - <b>ByrHASiL</b> melalui FPX ( <i>Financial Process Exchange</i> ) di Portal Rasmi LHDNM, <a href="http://www.hasil.gov.my">http://www.hasil.gov.my</a>  - <b>ByrHASiL</b> melalui Kad Kredit Visa, Mastercard & American Express di <a href="https://byrhasil.hasil.gov.my/creditcard">https://byrhasil.hasil.gov.my/creditcard</a>  - kaunter bayaran LHDNM atau melalui pos dengan menggunakan Slip Pengiriman Bayaran (CP501) yang boleh diperolehi di Portal Rasmi LHDNM, <a href="http://www.hasil.gov.my">http://www.hasil.gov.my</a>  (c) Pos Malaysia Berhad - Kaunter dan Pos Online
	CUKAI TERLEBIH BAYAR	Amaun B18 tolak B16.
Nota: Tandakan "X" di kotak yang disediakan jika Cukai Terlebihi Bayar.		
<b>AKUAN</b>		
Borang nyata yang tidak diperakui dan ditandatangani akan dianggap tidak lengkap dan akan tidak akan diproses. Surat Pemberitahuan Borang Nyata Tidak Lengkap akan dikeluarkan kepada tuan sebagai makluman. Penggunaan cap tandatangan tidak dibenarkan. Penalti akan dikenakan jika berlaku kelewatan dalam mengemukakan semula borang nyata kepada LHDNM.		
<b>BAHAGIAN C</b>		<b>MAKLUMAT SUAMI / ISTERI</b>
C1 - C4	Isikan maklumat yang berkenaan sahaja. Sekiranya tuan mempunyai lebih daripada seorang isteri, sila berikan maklumat isteri-isteri tuan yang lain di lampiran tambahan mengikut format C1 hingga C4 dan kemukakan bersama Borang BE.	

BAHAGIAN D		MAKLUMAT LAIN
D1	NO. TELEFON	Nombor telefon pejabat/firma ejen cukai/rumah. Sila pastikan maklumat ini adalah betul dan tepat. Maklumat ini akan digunakan untuk tujuan rasmi LDHNM.
	NO. TELEFON BIMBIT	Pastikan maklumat ini adalah betul. Maklumat ini hanya untuk kegunaan rasmi LHDNM sahaja.  Nota: Salah satu ruangan No.Telefon Bimbit atau D2 wajib diisi semasa pengemukaan secara e-Filing.
D2	e-Mel	Pastikan maklumat ini adalah betul. Maklumat ini hanya untuk kegunaan rasmi LHDNM sahaja.  Nota: Salah satu ruangan D2 atau No.Telefon Bimbit wajib diisi semasa pengemukaan secara e-Filing.
D3 & D4	NAMA BANK & NO. AKAUN BANK	Untuk tujuan pembayaran balik dikreditkan dari LHDNM (jika ada), nyatakan nama bank dan nombor akaun bank yang berkenaan.
D5	NO. MAJIKAN E	Isikan nombor rujukan fail cukai pendapatan majikan dalam ruang yang berkenaan.
D6	TELAH MELUPUSKAN SYER DALAM SYARIKAT HARTA TANAH DAN/ ATAU HARTA TANAH DI BAWAH AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976?	Isikan '1' dalam petak sekiranya ada melupuskan syer / aset atau '2' jika tidak berkenaan.
D7	TELAH MELAPORKAN PELUPUSAN TERSEBUT KEPADA LHDNM?	Isikan ruang ini jika D6 = '1' Isikan '1' dalam petak jika telah melaporkan pelupusan berkenaan kepada LHDNM atau '2' jika tidak. Sekiranya belum dilaporkan, sila hubungi cawangan LHDNM yang mengendalikan fail cukai pendapatan pelupus. Untuk maklumat lanjut, sila layari Portal Rasmi LHDNM, <a href="http://www.hasil.gov.my">http://www.hasil.gov.my</a>
BAHAGIAN E		PENDAPATAN TAHUN KEBELAKANGAN YANG BELUM DILAPORKAN
E1 – E2	<p>Pendapatan yang diterima berkenaan sesuatu tahun terdahulu yang belum dilaporkan.</p> <p>Contoh: bayaran tunggakan gaji. Gunakan lampiran berasingan sekiranya ruangan yang disediakan tidak mencukupi.</p> <p><b>Pendapatan bonus dan fi pengarah</b> menjadi sebahagian daripada pendapatan kasar dalam tahun asas ia diterima DAN ditaksir dalam tahun asas ia diterima.</p>	
BAHAGIAN F		PELEPASAN

F1	INDIVIDU DAN SAUDARA TANGGUNGAN	Pelepasan diri berjumlah RM9,000 untuk diri sendiri dan saudara tanggungan diberi secara automatik. Perenggan 46(1)(a)
F2	PERBELANJAAN RAWATAN PERUBATAN, KEPERLUAN KHAS DAN PENJAGA IBU BAPA	<p>Perbelanjaan rawatan perubatan, keperluan khas dan penjaga ibu bapa dibenarkan sebagai potongan terhadap kepada RM5,000. Perenggan 46(1)(c).</p> <p>Perbelanjaan perubatan yang layak termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) rawatan perubatan dan penjagaan yang diperuntukkan oleh rumah penjagaan; dan</li> <li>(ii) rawatan pergigian dihadkan kepada mencabut gigi, menampal gigi, membersihkan karang gigi tetapi tidak termasuk rawatan kosmetik.</li> </ul> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tuntutan mestilah disokong oleh pengamal perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia yang mengesahkan bahawa keadaan kesihatan ibu bapa memerlukan rawatan perubatan atau keperluan khas atau penjaga.</li> <li>• Ibu bapa mestilah bermastautin di Malaysia.</li> <li>• Rawatan perubatan dan perkhidmatan penjaga disediakan dalam Malaysia.</li> </ul> <p>Dalam kes penjaga, mestilah dibuktikan dengan perakuan bertulis, resit atau salinan permit kerja penjaga. "Penjaga" adalah tidak termasuk individu, suami / isteri atau anak individu berkenaan.</p>
F3	PERALATAN SOKONGAN ASAS	Pembelian alat sokongan asas untuk kegunaan sendiri, suami / isteri, anak atau ibu bapa yang kurang upaya dibenarkan sebagai potongan terhadap kepada RM6,000. Alat sokongan asas termasuk mesin haemodialysis, kerusi roda, kaki palsu dan alat pendengaran tetapi tidak termasuk cermin dan kanta mata. Perenggan 46(1)(d)
F4	INDIVIDU YANG KURANG UPAYA	Pelepasan tambahan RM6,000 diberi kepada individu yang kurang upaya. Perenggan 46(1)(e)
F5	YURAN PENDIDIKAN (SENDIRI)	<p>Bayaran yuran tahunan terhadap kepada RM5,000 dibenarkan sebagai potongan untuk kursus pembelajaran di institusi atau badan profesional di Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia atau diluluskan oleh Menteri Kewangan bagi maksud meningkatkan kemahiran atau kelayakan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) sehingga ke peringkat tertiar (selain Sarjana dan Doktor Falsafah) – dalam bidang undang-undang, perakaunan, kewangan Islam, teknikal, vokasional, industri, saintifik atau teknologi; atau</li> <li>(ii) peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah – sebarang bidang atau kursus pengajian</li> </ul> <p>Perenggan 46(1)(f)</p>
F6	PERBELANJAAN PERUBATAN BAGI PENYAKIT YANG SUKAR DIUBATI	Perbelanjaan perubatan bagi penyakit yang sukar diubati bermaksud rawatan dibuat ke atas penyakit seperti sindrom kurang daya tahan (AIDS), sindrom Parkinson, barah, penyakit buah pinggang, leukemia dan lain-lain penyakit yang serupa yang lain. 'Lain-lain penyakit yang serupa' termasuk serangan jantung, pulmonary hypertension, penyakit hati kronik, fulminant viral

		hepatitis, trauma kepala dengan defisit neurologikal, ketumbuhan otak dan kecacatan kepada pembuluh darah, melepuh dan melecur yang keterlaluan, pemindahan organ, pemotongan kaki dan/atau tangan. Perbelanjaan ini dihadkan kepada RM6,000 untuk diri sendiri, suami / isteri atau anak. Perenggan 46(1)(g)
F7	PEMERIKSAAN PERUBATAN PENUH	Pemeriksaan perubatan penuh bermaksud pemeriksaan secara menyeluruh dibenarkan sebagai potongan terhad kepada RM500 untuk diri sendiri, suami / isteri atau anak tetapi jumlah pelepasan untuk F6 dan F7 adalah terhad kepada RM6,000. Perenggan 46(1)(h)
F8	PEMBELIAN BUKU/MAJALAH/JURNAL/PENERBITAN	Perbelanjaan pembelian mana-mana buku, majalah, jurnal atau penerbitan (dalam bentuk <i>hardcopy</i> atau elektronik tetapi tidak termasuk surat khabar atau bahan bacaan yang terlarang) untuk individu, suami / isteri atau anak dibenarkan sebagai potongan terhad kepada RM1,000. Perenggan 46(1)(i)
F9	PEMBELIAN KOMPUTER PERIBADI UNTUK INDIVIDU	Potongan cukai terhad kepada RM3,000 diberi kepada individu atas perbelanjaan yang dilakukan ke atas pembelian komputer peribadi seperti yang diperuntukkan di bawah perenggan 44(1)(j), Akta Cukai Pendapatan 1967 merangkumi komputer meja dan komputer riba, <i>Notebook</i> dan <i>Ultrabook</i> yang digunakan bukan untuk tujuan perniagaan. Kelayakan ini tidak meliputi pembelian peralatan yang berkeupayaan mengendalikan fungsi komputer seperti tablet dan telefon bimbit Potongan ini diberikan sekali dalam setiap 3 tahun. Perenggan 46(1)(j)
F10	TABUNGAN BERSIH DALAM SKIM SIMPANAN PENDIDIKAN NASIONAL (SSPN)	Simpanan ke dalam tabung SSPN untuk membiayai pelajaran anak-anak diberi potongan kepada individu terhad kepada RM6,000 setahun (berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2012 hingga 2017). Potongan yang dituntut adalah terhad kepada amaun tabungan bersih yang dilakukan di dalam sesuatu tahun sahaja. Contoh: Dalam tahun 2015, Baki Bawa Hadapan: RM4,500. Simpanan: RM2,000. Pengeluaran: RM1,500. Potongan yang layak dituntut adalah <b>RM500</b> (RM2,000 – RM1,500). Baki Bawa Hadapan sebanyak RM4,500 tidak diambil kira. Perenggan 46(1)(k).
F11	PEMBELIAN PERALATAN SUKAN UNTUK AKTIVITI SUKAN	Potongan cukai terhad kepada RM300 diberi atas pembelian peralatan sukan yang dilakukan oleh individu untuk aktiviti sukan mengikut jenis sukan yang disenaraikan dalam Akta Pembangunan Sukan 1997. Peralatan sukan termasuk alat-alat yang mempunyai jangka hayat yang singkat seperti bola golf dan bulu tangkis tetapi <b>tidak termasuk</b> pakaian sukan, contoh: pakaian renang dan kasut sukan. Perenggan 46(1)(l)
F12	FAEDAH PINJAMAN PERUMAHAN	Potongan cukai terhad kepada RM10,000 setiap tahun asas bagi 3 tahun taksiran berturut-turut bermula daripada tarikh faedah mula dibayar. Syarat kelayakan: (i) pemastautin warganegara Malaysia; (ii) pembelian rumah kediaman terhad kepada satu unit sahaja; (iii) perjanjian jual beli ditandatangani dalam tempoh 10 Mac 2009 sehingga 31 Disember 2010; dan (iv) rumah kediaman tersebut tidak disewakan.

		<p>Di mana:</p> <p>(a) 2 atau lebih individu layak menuntut potongan bagi sebuah rumah kediaman; dan</p> <p>(b) jumlah faedah yang dibelanjakan oleh kesemua individu berkenaan melebihi amaun yang dibenarkan dalam tahun itu, setiap individu dibenarkan suatu potongan bagi setiap tahun mengikut formula berikut:</p> $A \times \frac{B}{C}$ <p>Di mana;</p> <p>A = jumlah faedah dibenarkan dalam tahun berkenaan;</p> <p>B = jumlah faedah dibelanjakan oleh individu berkenaan dalam tahun berkenaan;</p> <p>C = jumlah faedah dibelanjakan oleh kesemua individu dalam tahun berkenaan.</p> <p>Seksyen 46B</p>
F13	SUAMI / ISTERI / BAYARAN ALIMONI KEPADA BEKAS ISTERI	<p>Pelepasan suami diberi sebanyak RM3,000 bagi suami yang tiada punca pendapatan/tiada jumlah pendapatan atau suami memilih taksiran bersama. Seksyen 45A</p> <p>Pelepasan diberi sebanyak RM3,000 bagi isteri yang tinggal bersama dalam tahun asas, isteri tiada punca pendapatan/jumlah pendapatan atau isteri memilih taksiran bersama. Perenggan 47(1)(a)</p> <p>Bayaran nafkah kepada bekas isteri layak untuk pelepasan tetapi jumlah pelepasan untuk isteri dan bayaran alimoni kepada bekas isteri adalah <b>terhad kepada RM3,000</b>. Bayaran nafkah secara sukarela kepada bekas isteri di bawah perjanjian bersama tanpa sebarang perjanjian rasmi tidak layak dituntut sebagai potongan. Subseksyen 47(2) dan 47(3)</p>
F14	SUAMI / ISTERI YANG KURANG UPAYA	<p>Pelepasan tambahan sebanyak RM3,500 diberi kepada seorang suami / isteri yang kurang upaya. Perenggan 47(1)(b) dan seksyen 45A</p>

F15	<p>Bilangan anak layak mendapat pelepasan</p> <p>Bilangan anak dituntut oleh diri sendiri</p> <p>Bilangan anak dituntut oleh suami / isteri</p>	<p>Rujuk Helaian Kerja HK-13 untuk pengiraan.</p> <p><u>Kelayakan 100%</u> - Ruang ini untuk diisi oleh individu yang layak menuntut potongan anak sepenuhnya.</p> <p>* <u>Kelayakan 50%</u> - Ruang ini untuk diisi di mana dua atau lebih individu (<b>bukan suami isteri yang tinggal bersama</b>) layak menuntut potongan ke atas bayaran yang dibuat ke atas anak yang sama dan setiap individu tersebut layak menuntut separuh dari potongan yang dibenarkan. Subseksyen 48(4)</p> <p>Bagi <b>Taksiran Berasingan</b>, individu dan suami / isteri perlu memilih pelepasan ke atas setiap anak yang ingin dituntut masing-masing.</p> <p>Contoh: Ali mempunyai 5 orang anak dan memilih taksiran berasingan. Bilangan anak yang boleh dituntut oleh Ali dan isteri sebagai pelepasan ialah:</p> <table border="1" data-bbox="587 757 1506 909"> <thead> <tr> <th></th> <th>Ali</th> <th>Isteri</th> <th></th> <th>Ali</th> <th>Isteri</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>(i)</td> <td>5</td> <td>0</td> <td>(iv)</td> <td>2</td> <td>3</td> </tr> <tr> <td>(ii)</td> <td>4</td> <td>1</td> <td>(v)</td> <td>1</td> <td>4</td> </tr> <tr> <td>(iii)</td> <td>3</td> <td>2</td> <td>(vi)</td> <td>0</td> <td>5</td> </tr> </tbody> </table>		Ali	Isteri		Ali	Isteri	(i)	5	0	(iv)	2	3	(ii)	4	1	(v)	1	4	(iii)	3	2	(vi)	0	5
	Ali	Isteri		Ali	Isteri																					
(i)	5	0	(iv)	2	3																					
(ii)	4	1	(v)	1	4																					
(iii)	3	2	(vi)	0	5																					
F15a	ANAK - DI BAWAH UMUR 18 TAHUN	Pelepasan anak yang belum berkahwin dan berumur di bawah 18 tahun dalam tahun semasa adalah sebanyak RM1,000. Perenggan 48(1)(a) & 48(2)(a)																								
F15b	ANAK - 18 TAHUN DAN KE ATAS YANG MASIH BELAJAR	<p><input type="checkbox"/> Pelepasan anak yang belum berkahwin dan berumur 18 tahun dan ke atas dan menerima pendidikan sepenuh masa adalah sebanyak RM1,000. Perenggan 48(1)(b) &amp; 48(2)(a) ; atau</p> <p><input type="checkbox"/> Pelepasan sebanyak RM6,000 bagi anak yang belum berkahwin dan berumur 18 tahun dan ke atas tertakluk kepada syarat-syarat berikut:</p> <p>(i) mengikuti kursus di peringkat diploma dan ke atas di institusi pengajian tinggi <b>dalam Malaysia</b> (tidak termasuk kursus matrikulasi/pra-ijazah).</p> <p>(ii) mengikuti kursus di peringkat ijazah dan ke atas di institusi pengajian tinggi <b>luar Malaysia</b>.</p> <p>(iii) kursus dan institusi pengajian tinggi diiktiraf oleh pihak berkuasa Kerajaan yang berkaitan.</p> <p>Subperenggan 48(3)(a)(i)</p>																								
F15c	ANAK - KURANG UPAYA	<p>Pelepasan untuk anak yang kurang upaya dibenarkan sebanyak RM6,000. Perenggan 48(1)(d) &amp; 48(2)(b).</p> <p>Pelepasan tambahan sebanyak RM6,000 bagi anak yang kurang upaya dan belum berkahwin serta berumur 18 tahun dan ke atas tertakluk kepada syarat-syarat berikut:</p> <p>(i) mengikuti kursus di peringkat diploma ke atas di institusi pengajian tinggi <b>dalam Malaysia</b> (tidak termasuk kursus matrikulasi/pra-ijazah).</p> <p>(ii) mengikuti kursus di peringkat ijazah dan ke atas di institusi pengajian tinggi <b>luar Malaysia</b>.</p> <p>(iii) kursus dan institusi pengajian tinggi diiktiraf oleh pihak</p>																								

		berkuasa Kerajaan yang berkaitan. Individu layak mendapat pelepasan anak <b>RM12,000</b> sekiranya syarat di atas dipatuhi. Subperenggan 48(3)(a)(ii)
F16	<b>INSURANS NYAWA DAN KWSP</b> Rujuk Helaian Kerja HK-14 untuk pengiraan. <input type="checkbox"/> Premium insurans yang dibayar atas polisi yang menjamin nyawa individu, suami atau isteri dibenarkan pelepasan cukai. Premium insurans atas nyawa anak tidak dibenarkan pelepasan. <input type="checkbox"/> Caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau kumpulan wang lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri. <input type="checkbox"/> Jumlah pelepasan untuk premium insurans nyawa dan caruman kepada KWSP atau kumpulan wang lain yang diluluskan adalah terhad kepada RM6,000 untuk individu dan RM6,000 untuk isteri yang mempunyai punca pendapatan. Sekiranya suami atau isteri memilih <b>taksiran bersama</b> premium insurans dan KWSP adalah terhad kepada <b>RM6,000</b> . Perenggan 49(1)(a), 49(1)(b), 49(1)(c), 49(1A)(b) <i>Contoh:</i> Premium insurans dibayar oleh suami RM300 dan isteri RM6,500 dan pembayar cukai memilih taksiran bersama. Jumlah dibenarkan adalah terhad kepada <b>RM6,000</b> dan <b>bukannya RM6,800</b> . Dalam keadaan suami tidak mempunyai jumlah pendapatan, isteri akan ditaksir berasingan sebagai individu dan apa-apa perbelanjaan premium insurans oleh suami dianggap dibayar oleh isteri dan tuntutan potongan dibenarkan kepada jumlah terhad sahaja. Walau bagaimanapun bagi caruman KWSP yang dibuat oleh suami dan suami tiada jumlah pendapatan, potongan bagi caruman KWSP tersebut tidak boleh dibenarkan ke atas pendapatan isteri. Begitu juga sekiranya isteri tidak mempunyai jumlah pendapatan. Subseksyen 50(2) dan 50(3)	
F17	<b>SKIM PERSARAAN SWASTA DAN ANUITI TERTUNDA ('DEFERRED ANNUITY')</b> Pelepasan tidak melebihi RM3,000 dibenarkan bagi caruman yang dibuat kepada skim persaraan swasta yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan jumlah pembayaran anuiti tertunda. Pelepasan cukai ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2012 hingga tahun taksiran 2021. Subseksyen 49(1D)	
F18	<b>INSURANS PENDIDIKAN DAN PERUBATAN</b>	Pelepasan tidak melebihi RM3,000 bagi premium insurans yang dibayar atas polisi pendidikan atau faedah perubatan untuk individu, suami, isteri atau anak. Subseksyen 49(1B). Rujuk Helaian Kerja HK-14 untuk pengiraan.
F19	<b>JUMLAH PELEPASAN</b>	Amaun F1 hingga F19. Pindahkan amaun ini ke B9.
<b>BAHAGIAN G</b>		<b>MAKLUMAT FIRMA DAN TANDATANGAN ORANG YANG MENYEDIAKAN BORANG NYATA INI</b>
G1 – G4	Bahagian ini perlu diisi, diperakui dan ditandatangani oleh ejen/wakil cukai yang menyediakan borang nyata ini.	



JADUAL CUKAI					
KATEGORI	BANJARAN PENDAPATAN BERCUKAI (a)	PENGIRAAN RM (b)		KADAR % (c)	CUKAI RM (d)
A	0 - 5,000	5,000	pertama	0	0
B	5,001 - 20,000	5,000 15,000	pertama berikutnya	1	0 150
C	20,001 - 35,000	20,000 15,000	pertama berikutnya	5	150 750
D	35,001 - 50,000	35,000 15,000	pertama berikutnya	10	900 1,500
E	50,001 - 70,000	50,000 20,000	pertama berikutnya	16	2,400 3,200
F	70,001 - 100,000	70,000 30,000	pertama berikutnya	21	5,600 6,300
G	100,001 - 250,000	100,000 150,000	pertama berikutnya	24	11,900 36,000
H	250,001 - 400,000	250,000 150,000	pertama berikutnya	24.5	47,900 36,750
I	Lebih 400,000	400,000	pertama setiap ringgit berikutnya	25	84,650 .....

KOD NEGARA					
Sebahagian negara-negara yang dikenal pasti. Tuan boleh merujuk kepada Lampiran E Buku Panduan Borang BE untuk mendapatkan senarai lengkap.					
Nama Negara	Kod Negara	Nama Negara	Kod Negara	Nama Negara	Kod Negara
Australia	AU	Iran (Islamic R.O.)	IR	Philippines	PH
Bangladesh	BD	Iraq	IQ	Saudi Arabia	SA
Brunei	BN	Japan	JP	Singapore	SG
Cambodia	KH	Korea, D.P.R.	KP	South Africa	ZA
Canada	CA	Korea, R.O.	KR	Sri Lanka	LK
China	CN	Laos, D.P.R.	LA	Taiwan	TW
Denmark	DK	<b>Malaysia</b>	<b>MY</b>	Thailand	TH
Hong Kong	HK	Myanmar	MM	United Kingdom	GB
India	IN	New Zealand	NZ	United States	US
Indonesia	ID	Pakistan	PK	Vietnam	VN

Nota: R.O. = Republic of;

D.P.R. = Democratic People's Republic of